

# IKON MELAYU ZAM



**G**RETA Garbo, Katharine Hepburn, Marilyn Monroe dan Puteri Diana merupakan ikon Hollywood dan dunia Barat yang terus dikenang sehingga kini. Dandanan rambut, fesyen pakaian dan barang perhiasan yang dimiliki menjadi ikutan wanita lain. Senario yang sama berlaku di negara ini. Siapa yang tidak kenal dengan Saloma, Sarimah, Noorkumalasari dan Ziana Zain (sekadar menyebut beberapa nama). Mereka dan wanita-wanita yang disenaraikan di bawah adalah ikon wanita Melayu yang mewakili zaman masing-masing.

## **Maria Menado** 50-an

BINTANG filem Melayu yang dikategorikan sebagai tercantik di era 1950-an. Mula berlakon pada tahun 1951 menerusi filem *Penghidupan*, populariti Maria melonjak pada tahun 1957 melalui filem *Pontianak*. Filem-filem lain yang pernah dibintanginya ialah *Matahari*, *Siti Zubaidah*, *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*, *Tun Fatimah*, *Raja Bersiung* dan *Korban Fitnah*.

## **Saloma**

PUAN Sri Saloma, isteri kepada Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee terus menjadi sebutan ramai biarpun sudah lama meninggal dunia. Sebagai legenda muzik dan perfileman tanah air, dia terus dikenang kerana kehebatan sejarah yang dilakarnya dalam dunia seni. Suara emasnya masih belum mampu ditandingi sesiapa. Bentuk badannya sehingga kini terus menjadi igauan setiap wanita dan gadis remaja. Demikian juga dengan pakaian serta fesyen yang membaluti tubuhnya yang menjadi ikutan zamannya.



## **Saadiah**

POPULARITINYA sebaris dengan seniwati Sarimah, Latifah Omar ataupun Zaiton. Kehebatannya terserlah menerusi filem *Antara Dua Darjat*. Pelakon yang dilahirkan di Singapura ini mula berlakon sewaktu berusia 11 tahun dan filem pertamanya adalah *Bakti*. Sepanjang bergelar 'anak wayang', Saadiah sudah berlakon berpuluh-puluh filem bermula tahun 1948. Antara filem-filem lakonannya yang mendapat sambutan hangat ialah *Penarik Beca*, *Sumpah Semerah Padi*, *Sarjan Hassan* dan *Musang Berjanggut*.



# MAN-BERZAMAN



## Latifah Omar 60-an

SENIWATI yang telah mencipta sejarah tersendiri di dalam industri perfilman. Lakonan mantapnya dalam filem-filem seperti *Patung Chandana*, *Raja Bersiung*, *Cucu Datuk Merah*, *Raden Mas*, *Orang Minyak* dan banyak lagi masih diingati oleh peminat. Latifah yang telah muncul dalam lebih 30 buah filem mula diperkenalkan menerusi filem *Panggilan Pulau* ketika berusia 14 tahun.



## Sarimah Ahmad

FILEM *Ibu Mertuaku* gandingan antara Sarimah, P. Ramlee dan Mak Dara berjaya menarik perhatian banyak pihak. Selain bakat, wajah jelita yang dimilikinya menarik perhatian para peminat setia filem Melayu. Pelakon yang berasal dari Pahang ini mula diperkenalkan di layar perak menerusi filem *Ali Baba Bujang Lapuk* pada tahun 1961.



## Noorkumalasari 70-an

NAMANYA mungkin tidak dilupakan oleh peminat seni tanah air walaupun dia tidak lagi aktif dalam dunia lakonan dan nyanyian. Pelakon yang pernah memuncak namanya pada suatu ketika dulu, sering menarik perhatian ramai dengan penampilan berbeza dalam karier seninya kerana dipengaruhi oleh dunia peragawati yang diceburinya.



## Khatijah Ibrahim

PERNAH mencipta nama sebagai penyanyi duet bersama penyanyi rock terkenal Ramli Sarip sekitar tahun 1980-an lalu menerusi lagu *Zaman*, *Doa Buat Kekasih*, *Kumiliki Bayanganmu* dan lain-lain lagi. Khaty muncul buat pertama kalinya dengan album berjudul *Sehari Dalam Cinta* pada tahun 1979.



## Sharifah Aini

PENYANYI terkenal Datuk Sharifah Aini meneruskan kecemerlangan dalam bidang seni suara dengan merakamkan album ke-75 setelah lebih 30 tahun bergelar artis rakaman. Sharifah Aini merakamkan album pertama pada tahun 1969 bersama syarikat EMI yang memuatkan lagu *Sri Dewi Malam* dan kekal bersama syarikat tersebut sehingga kini.



## Fauziah Ahmad Daud 80-an

ANAK kepada pasangan seni Ahmad Daud dan Saadiah ini merupakan penyambung perjalanan seni kedua-dua ibu bapanya. Fauziah atau lebih dikenali sebagai Ogy mula berlakon pada 1974 sebelum menjadi fenomena pada dekad 1980-an menerusi filem *Azura* dan *Ali Setan*. Selain berlakon Ogy sebenarnya berbakat menyanyi dan menjadi pengacara.



## Mazwin Hamzah

DIPERKENALKAN di persada dunia bersama dengan adik-beradiknya dengan menamakan diri mereka sebagai Quinary M. Sebagai adik paling bongsu dan comel, Mazwin meraih perhatian yang luar biasa sehingga berjaya menambat hati putera diraja Brunei yang kini menjadi suaminya.



## Ziana Zain 90-an

MULA meraih populariti apabila album *Madah Berhelah* mendapat sambutan. Sejak itu Ziana Zain berada di kelas tersendiri apabila menjadi penyanyi yang mampu membawa lagu bernada tinggi dengan baik. Di samping menyanyi Ziana juga adalah pelakon yang berbakat (membintangi *Sembilu*, *Sembilu 2*, *Maria Mariana*, *Merah dan Maria Mariana 2*) dan menjadi 'duta' bagi produk jam Omega, Healthy Image dan tilam Vono.



## Erra Fazira Milenium Baru

BEKAS ratu cantik yang kini menjadi pelakon paling laris di Malaysia. Biarpun mempunyai kecenderungan dalam bidang nyanyian namun bakat terpendam yang berjaya dicungkil menerusi filem *Sembilu* pada 1993 menyebabkan Fazira Wan Chek atau Erra Fazira tidak lagi menoleh ke belakang. Erra seterusnya menjadi rebutan di kalangan pergarah apabila filem lakonannya sering kali mendapat taraf *box office*.



## Siti Nurhaliza

PENYANYI berusia 24 tahun yang berasal dari Pahang ini sudah lapan tahun bergelulang dalam bidang nyanyian. Wajah ayu, senyuman yang manis, tingkah laku yang sopan dan bakat semula jadi yang memukau menyebabkan Siti Nurhaliza sukar digugat. Dia diterima dengan baik oleh segenap lapisan masyarakat. Dia juga adalah pemegang rekod sebagai artis yang menerima anugerah paling banyak iaitu 105 anugerah sepanjang terbabit dalam dunia seni. □